

Kritik Ilmu Aura oleh Hamzah Fansuri¹

Hamzah Fansuri's Critique of Aura

YUSRI MOHAMAD RAMLI*²

ABSTRACT

Spiritualism is part of Malay tradition since before the coming of Islam to the region especially through Hindu tantric practices. The most celebrated Malay Sufi, Hamzah Fansuri in his poems criticizes certain aspects of the spiritual traditions among Malays. One of the interesting spiritual devices that catches his attention is aura. Through analysis of the content from his poetic works, this article attempts to explain to what extent did Hamzah Fansuri appraise the science of aura.

Keywords: *Aura, Hamzah Fansuri, Sufism, Tantra*

PENGENALAN

Ilmu kerohanian khusus atau spiritualisme ialah antara kebudayaan tradisional yang wujud dalam pelbagai peradaban termasuk Mesopotamia, Mesir, Yunani, Parsi, Hindu, dan Islam. Ia sering kali bersandar kepada ilmu kerohanian bersifat umum yang wujud dalam pelbagai agama seperti Kabbalah dalam agama Yahudi, Mistisisme dalam agama Kristian, atau Tasawuf dalam agama Islam di samping tradisi falsafah dan sains yang wujud dalam ilmu kejiwaan atau psikologi. Walaupun demikian, ia juga dapat berdiri sebagai disiplin tersendiri sebagai ilmu kerohanian bersifat khusus yang dikenali dalam pelbagai tradisi sebagai ilmu ruhaniyyat dalam agama Islam atau tantra dalam agama Hindu. Walau bagaimanapun, untuk menentusah batasan pengelasan ilmu kerohanian khusus ini secara tepat adalah suatu yang sangat rumit dan perlu difahami dalam kerangka rentas disiplin ilmu yang pelbagai. Bagi memberi gambaran lebih jelas dan mengelakkan kekeliruan, tulisan ini mengguna pakai istilah kerohanian khusus bagi membezakannya dengan kerohanian umum.

Ilmu kerohanian khusus pada dasarnya adalah berbentuk pengetahuan dan kemahiran. Salah satu pengetahuan dan kemahiran yang cukup penting dalam korpus keilmuan kerohanian khusus ialah ilmu aura. Aura merupakan ilmu paling mudah dan ringkas dalam korpus keilmuan kerohanian khusus. Walaupun tidak begitu rumit berbanding ilmu yang lain untuk difahami, namun untuk menguasainya tidak begitu mudah. Ini kerana, walaupun kecekapan pengetahuan dan kemahiran dapat diasah, ia amat bergantung kepada kemampuan secara bawaan berbanding upaya secara tabula rasa.

¹ A version of this work had been presented in the 4th International Seminar on Islamic Thought on the 10th of May 2023 at Universiti Kebangsaan Malaysia.

² **Yusri Mohamad Ramli** * Ph.D. (Corresponding Author), Senior Lecturer at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, BANGI, Selangor, MALAYSIA. Email: yusri_mr@ukm.edu.my

Oleh itu, untuk melakukan penyelidikan secara ilmiah atau saintifik terhadap ilmu kerohanian khusus dengan maksud pembuktian secara tuntas melalui bukti-bukti yang jelas dan meyakinkan pada tanggapan indera dan fikiran rasional adalah amat sukar. Kajian-kajian yang dilakukan oleh Agensi Perisikan Pusat Amerika Syarikat atau CIA terutamanya semasa Perang Dingin merumuskan bahawa analisis saintifik terhadap hal ini khususnya secara ujikaji dan makmal hanya dapat membuktikan secara empirikal setakat 20 peratus sahaja. Kajian-kajian saintifik yang dilakukan oleh para sarjana kebanyakannya hanya bersifat deskriptif dalam meneroka dan menghuraikannya.

Walaupun kajian-kajian seumpamanya mungkin dianggap sebagai membosankan berbanding pertunjukan secara demonstratif, namun penjelasan ilmiah mengenainya adalah penting bagi menjelaskan segala keaburan dan salah faham yang sering wujud akibat ketakjuban dan kebingungan segelintir yang mendengar, mengalami atau memerhatikannya (al-Razi t.th.). Antara kedangkalan lazim kalangan masyarakat menurut Imam al-Razi (t.th.) ialah mengaitkan sebarang kejadian aneh yang tidak difahaminya kerana perlakuan jin dan hantu walaupun secara ironinya alasan yang sama digunakan oleh Shaykh Ibn Taymiyyah (2004) dalam menghukum kafir ke atas Imam al-Razi. Dalam konteks Alam Melayu, Pendeta Za'ba turut melihat bahawa mentaliti masyarakat di Alam Melayu menjadi terhambat dan tidak berkembang maju akibat daripada kepercayaan terhadap hantu yang berakar umbi daripada tradisi animisme. Justeru, bagi menghapuskan kejahilan khalayak yang berpegang kepada naratif popular, para ilmuwan perlu terlebih dahulu menggarap minda saintifik yang berasaskan kepada fakta-fakta yang sahih dan badan pengetahuan yang telah mapan.

Salah satu keilmuan yang cukup menarik untuk disoroti ialah ilmu cahaya badan atau yang lebih dikenali pada zaman moden sebagai aura. Dalam konteks Alam Melayu, ilmu aura telah bertapak lama sebelum kedatangan Islam melalui amalan tantrik Hindu. Setelah kedatangan Islam, keilmuan tantra berasimilasi dengan Islam melalui ilmu hikmah dan tasawuf. Pertembungan antara dua tradisi ini walaupun secara umumnya berjalan dengan positif, namun tetap menimbulkan konflik. Ini menarik perhatian tokoh Sufi terkenal Alam Melayu iaitu Shaykh Hamzah Fansuri Shahr Nawi untuk mengungkapkan pandangannya mengenai isu yang timbul dalam amalan masyarakat Melayu. Salah satu perkara yang menjadi kritikan beliau ialah ilmu aura. Pemaparan kritikan Hamzah Fansuri terhadap ilmu aura termuat dalam beberapa syair atau ruba'inya. Berdasarkan analisis kandungan, kertas kerja ini cuba membahas kritikan- kritikan Shaykh Hamzah Fansuri terhadap ilmu aura atau yang disebutnya ilmu cahaya badan.

KEILMUAN AURA

Ilmu aura pada umumnya terangkum dalam perbahasan terkait indera dalaman dan energi dalaman. Antara yang terawal membahaskan mengenai indera dalaman ialah Aristotle (2016) yang melihat bahawa di sebalik panca indera zahir yang lima yang menerima sensasi fizikal sesuatu objek, objek yang dikecapi oleh indera zahir bersatu pada indera sepunya atau indera batin sebelum kemudiannya ditafsirkan oleh akal manusia. Indera batin dianggap sepunya dan bersatu kerana maklumat pada tahap ini tidak lagi dianggap terbahagi secara visual atau audio atau apa jua bentuk imej asal objek tersebut walaupun ia dapat membentuk suatu gambaran mental atau bunyi mental tertentu.

Dalam hal ini, al-Imam Abu Hamid al-Ghazali (1988) dan al-Imam Fakhr al-Din al-Razi (t.th.) melihat bahawa kepekaan indera batin amat berbeza antara manusia, namun ia dapat

diusahakan untuk ditingkatkan melalui pemahaman dan pengupayaan untuk memahami simbol-simbol alam dan kehidupan sehingga kepada yang tak terlihat dengan mata kasar. Menurut al-Razi (t.th.) lagi, indera manusia seperti mata, telinga, dan sebagainya tidak hanya mencapai perkara zahir dan kasar, tetapi juga secara potensinya mempunyai keupayaan yang lebih daripada itu. Namun fungsi akal manusia yang mentafsir data yang diterima oleh indera membentuk suatu piawai yang terbina dengan kelaziman yang akhirnya menjadi maklumat yang diterima oleh diri manusia. Justeru manusia yang mempunyai kekuatan mental pada tahap tertentu akan dapat mengawal pentafsiran tersebut dan tidak terikat dengan piawai yang diciptakan oleh akalnya sendiri.

Walaupun ilmu aura telah wujud dalam pelbagai tradisi kerohanian khusus sedia ada dan tetap berkembang di Timur melalui pelbagai kegiatan sama ada bersifat kerohanian umum, kesihatan, perubatan, seni bela diri, dan sebagainya, namun yang mula menggagaskan sebagai suatu sub ilmu tersendiri sekaligus mempopularkannya ialah para pemikir dan aktivis dalam bidang yang disebut sebagai *spirituality* (spiritualiti) yang berkembang sejak kurun ke-19 di Barat. Walaupun dipengaruhi secara kuat daripada tradisi kerohanian umum agama-agama terutamanya Hindu, spiritualiti yang lazimnya digerakkan melalui organisasi-organisasi tertentu ini adalah bersifat sekular atau tidak terikat kepada mana-mana tradisi keagamaan. Walaupun perbincangan tentang energi yang disebut dengan pelbagai istilah seperti *prana* atau *chi* atau tenaga dalam telah wujud dalam pelbagai tradisi, namun pemerian tentang aura hanya bersifat sampingan tanpa apa-apa kupasan yang mendalam sehingga ia dianggap penting sejak kurun ke-19. Di sebalik kritikan terhadap gerakan spiritualiti, ilmu aura sebaliknya terus berkembang dari generasi ke generasi dalam masyarakat di Alam Melayu dan Nusantara secara bersahaja melalui perubatan tradisional, ilmu persilatan, dan pelbagai aktiviti lain.

Ilmu aura menjelaskan bahawa wujud suatu lingkaran tenaga dalam atau energi di sekeliling badan manusia atau makhluk-makhluk lain yang terpancar melalui cahaya pelbagai warna yang berbeza-beza antara individu. Cahaya tersebut dipanggil sebagai cahaya badan, jawhar, atau aura. Aura berasal daripada perkataan *aúra* yang berasal daripada bahasa Yunani yang bermaksud bayu atau hembusan angin (Liddell & Scott 1996; Montanari 2015) dan secara khusus turut dirujuk kepada dewi *Aúra* dalam kepercayaan Yunani kuno (Nonnos 1942). Istilah aura mula digunapakai bagi memerihalkan cahaya energi selaras perbincangan mengenainya dalam perkembangan gerakan spiritualiti di Barat.

Aura atau juga disebut *magnetic aura*, *mesmeric aura* atau *akāshic aura* adalah terhasil daripada tenaga (*energy*) dalam manusia yang merupakan kekuatan kehendak (*will*) manusia. Ia ialah cahaya yang mengelilingi setiap objek hidup seperti manusia, haiwan, dan tumbuhan atau tidak hidup seperti batu dan besi yang wujud di alam ini. Aura merupakan bayangan astral yang tersinar daripada sesuatu objek. Aura mempunyai pelbagai warna atau kombinasi pelbagai warna yang menggambarkan keadaan sifat, kualiti, atau karakteristik yang khusus bagi sesuatu objek dengan manusia adalah yang mempunyai aura yang terkuat. Walau bagaimanapun intipati aura adalah tidak kelihatan dengan mata kasar atau mata fizikal manusia. Ia hanya wujud dalam dimensi psikik iaitu antara minda dan badan melalui elektro saraf dan mental (Blavastky 1897; 1892).

Aura hanya dapat ditanggapi oleh indera batin khusus secara visual secara penglihatan mata batin. Di samping itu, energi juga terpancar dalam pelbagai bentuk lain yang ditanggapi secara pelbagai oleh indera-indera dalaman yang lain seperti perasaan, fikiran, pendengaran, sentuhan dan sebagainya. Namun, pengamatan visual adalah yang paling dominan dan popular serta

yang dirujuk khusus sebagai aura. Justeru, kadang kala aura juga dirujuk secara umum kepada pelbagai bentuk pancaran energi yang lain.

Di samping pemahaman terhadap simbol-simbol seperti bahasa badan, riak wajah dan sebagainya, pengenalan karakter individu atau peribadi juga boleh dicapai melalui pengamatan terhadap aura yang diusahakan melalui pemupukan indera keenam ini sehingga aura dapat berkembang dan kelihatan dengan lebih jelas (al-Razi t.th.; Blavastky 1895). Kemampuan melihat aura dapat digarap dengan keinginan yang kuat, kegigihan, dan latihan. Namun yang dilahirkan dengan bakat intuisi akan dapat membantu mempermudah (Blavastky 1895). Justeru, pengamat aura lazimnya ialah seorang yang mempunyai kepekaan mata yang tinggi (Blavastky 1897) yakni yang mempunyai sensitiviti dan imaginasi yang tinggi (Grumbine 1900).

Menurut Grumbine (1900) aura mempunyai dua tahap manifestasi iaitu *influence* yakni dalam bentuk fikiran atau perasaan dan kemudiannya *effluence* yakni sinaran pancaran yang ditanggapi dengan mata batin. Pengamatan yang lengkap ialah merangkumi kedua-dua aspek tersebut walaupun kadang kala boleh berlaku hanya ditanggapi salah satunya. Formula yang sering digunapakai dalam pentafsiran variasi warna umumnya melihat secara vertikal warna putih atau cerah sebagai simbol positif dan hitam atau gelap sebagai simbol negatif. Manakala secara horizontal pelbagai warna secara rincinya mencitrakan karakter yang beragam.

Warna-warna cahaya yang melingkungi badan tersebut memberi suatu nilai simbolik terhadap karakter individu dengan segala kerincian maksud yang disimbolkan dengan nuansa warna yang dipancarkan. Walaupun telah ramai sarjana memformulasikan secara terperinci pentafsiran variasi warna, namun ketepatan analisis dan butiran adalah amat bergantung kepada kecekapan teknikal seseorang pemerhati aura.

Dari sudut aplikasi, ilmu aura dapat membantu dalam banyak perkara seperti membantu penyiasatan dan pemprofilan pihak polis atau pihak berkuasa, guru, penyelidik, dan sebagainya (Blavastky 1895). Aura juga dikatakan boleh digunakan untuk melakukan terapi kesihatan dan menyembuhkan kesakitan (Blavastky 1897) walaupun sebahagian pengkaji menolaknya dan menghadkan aura kepada sekadar pencirian karakter. Mungkin yang perlu dirujuk dengan lebih tepat dalam hal ini ialah tenaga atau energi dan bukan cahayanya sebagaimana pandangan Mesmer yang mempopularkan mesmerisme dan hipnotisme pada kurun ke-18.

KRITIKAN HAMZAH FANSURI

Adalah suatu yang menarik apabila karya-karya Shaykh Hamzah Fansuri yang sering dikaitkan dengan perbincangan tasawuf turut mengandungi beberapa perkara yang menyinggung mengenai kerohanian khusus. Dalam konteks Alam Melayu atau Nusantara, keilmuan ini secara terasnya berakar umbi daripada tradisi tantra agama Hindu yang bergabung jalin dengan tradisi turun-temurun tempatan dan tradisi ilmu hikmah agama Islam. Salah satu daripada ilmu dan kemahiran yang cukup popular sehingga ke hari ini ialah ilmu aura atau yang disebut ilmu cahaya atau ilmu cahaya badan atau ilmu jawhar. Keterangan-keterangan Hamzah Fansuri berdasarkan rekod bertulis adalah kritikan pertama seumpamanya di rantau ini terhadap ilmu aura.

Secara umumnya, kritikan Hamzah Fansuri dapat dirumuskan kepada dua premis atau pernyataan iaitu: pertama ialah mengenai perkara-perkara negatif yang timbul akibat daripada

ilmu aura dan kedua ialah mengenai kedudukan ilmu aura dan sekalian ilmu kerohanian khusus yang hanya bersifat marginal atau kecil berbanding ilmu kerohanian umum yang lebih penting.

Pernyataan pertama mengenai perkara-perkara negatif yang timbul adalah merujuk kepada gejala-gejala yang sering berlaku hasil daripada penguasaan terhadap ilmu ini. Justeru, kritikan Hamzah Fansuri adalah bukan dihadapkan secara langsung kepada ilmu aura per sei, tetapi kepada fenomena tidak sihat yang sering berlaku sebagai kesan kepada yang terlibat dalam keilmuan ini. Ia juga turut disahkan melalui pernyataan kedua mengenai kedudukan ilmu aura yang turut diperaku oleh Hamzah Fansuri.

Shaykh Hamzah Fansuri mengungkapkan dalam syair *Aho segala kita yang bernama Islam* (mss. 83; mss. 2016; mss. 3372; mss. 3374):

Jika kau dapat hakikat *liqa*,
Di ubun-ubun jangan menyembah *diya*,
Kerana Tuhan kita itu tiada reda,
Akan ilmu cahaya dan ilmu *riya*.

Melalui keterangan ini, Hamzah Fansuri menjelaskan bahawa sering berlaku kepada mereka yang menguasai ilmu aura untuk cenderung bersikap riya dalam erti mempertontonkan kemahiran dan kemampuan kepada orang ramai. Ini adalah kerana apabila ilmu aura menjadi tumpuan utama dan meninggalkan perkara-perkara lain yang lebih penting, maka perhatian hanya terarah kepada penguasaan ilmu ini dan mendapatkan perhatian dan ketakjuban orang lain dan bukannya keredaan Allah. Dari sudut yang lain, dalam petikan bait ini juga jelas kelihatan hubungan ilmu aura dengan kundalini dan chakra dalam tradisi tantrik.

Juga katanya lagi dalam syair yang sama (mss. 83; mss. 2016; mss. 3372; mss. 3374):

Pada cahaya dan *maqam* tiada di sana *amar*,
Menyuruhkan hantar iktikad dan *nazar*,
Akan *Samad*-Nya itu belum engkau khabar,
Manakan dapat olehmu Ia Yang *Rabb al-bashar*.

Melalui bait ini, Hamzah Fansuri menjelaskan bahawa ilmu aura tidak termasuk perintah Tuhan dan bukan termasuk dalam perkara yang perlu diberi perhatian dalam aspek kepercayaan atau fikiran berbanding memupuk kepada pergantungan kepada Allah. Justeru, ilmu aura tidak mendekatkan dan menyampaikan seseorang kepada Tuhan, bahkan sering kali terjadi menjauhkan manusia daripada Tuhan dan menjadikan manusia lari daripada menumpu kepada mendekatkan diri kepada Tuhan.

Perkara yang sama turut diulang dalam syair *Aho segala kita umat Rasul* (mss. 83; mss. 2016):

Tuhan kita itu tiada bermisal,
Bukannya bintang dan *shamsu hilal*,
Di antara kening di manakan *khilal*
Jangan kau pandang pada cahaya dan *zilal*.

Apabila keterlaluhan untuk menguasai ilmu aura dengan hanya melihat cahaya aura dan segala athar atau kebesaran Tuhan semata-mata, maka manusia tidak dapat mendekatkan diri kepada Allah dan akan terhenti kepada peringkat takjub semata-mata.

Walaupun dengan segala fenomena yang berlaku, Hamzah Fansuri tidak lah menolak bahawa ilmu aura ialah suatu ilmu yang baik dan ada faedahnya yang tersendiri. Namun, ilmu aura hanya memberi faedah pada jasmani yakni psikologi atau dalam tradisi tantrik disebut sukma. Apa yang lebih penting dan lebih tinggi yang perlu diberi perhatian ialah Ilmu tentang Tuhan. Ini kerana aura tidak termasuk perkara penting, kerana yang lebih penting ialah Tuhan. Shaykh Hamzah Fansuri menjelaskan mengenai hal ini dalam *Syair Unggas nuri asalnya cahaya* (mss. 2016; mss. 3372):

Ilmu jauhar sungguhpun *qabil*,
Akan kuat badan hanya hasil,
Pada ilmu Allah kerjanya *ha'il*,
Antara Allah dan orang yang kamil.

Ilmu Allah terlalui *'ali*,
Dengan jauhar tiadakan *kafi*,
Ilmu Allah itu yugia kau cari,
Supaya dapat hidupmu *baqi*.

Dalam syair yang sama, Hamzah Fansuri turut mengulangi bahawa ilmu aura cenderung untuk menimbulkan ketakjuban dan sukar untuk benar-benar menjadi tulus kepada Tuhan. Justeru yang menguasai ilmu aura akan hanya dilihat hebat di sisi manusia dan tidak ada nilai di sisi Tuhan. Beliau berkata (mss. 2016; mss. 3372):

Hamzah gila berkawan-kawan,
Mencari jauhar akan cahaya badan,
Oleh makhluk pergi tertawan,
Manakan jadi engkau bangsawan.

Dalam rangkap di atas turut memberi penjelasan bahawa Hamzah Fansuri sendiri turut pernah cuba menguasai ilmu aura dengan mengikut rakan-rakannya. Pengalamannya tersebut serta segala liku dan cabaran yang dihadapi menjadi asas kepada nasihatnya agar berwaspada mengenai hal ini.

KESIMPULAN

Apa yang dapat dirumuskan ialah bahawa Shaykh Hamzah Fansuri dalam kritiknya menasihati supaya berwaspada agar kerohanian khusus tidak disalah erti sebagai kerohanian umum. Kritikan seumpamanya walaupun dilontar beratus tahun yang lalu tetap relevan pada masa kini. Justeru tidak menghairankan apabila gerakan-gerakan spiritualiti di Barat pada zaman moden dikritik oleh agamawan pelbagai agama dan para sarjana perbandingan agama kerana menumpukan kepada kerohanian khusus lebih daripada kerohanian umum.

Walaupun tidak dinafikan ilmu tentang aura mempunyai faedah, namun ia mungkin sesuai kepada yang benar-benar menguasainya secara pengetahuan dengan pemahaman yang mendalam dan keyakinan yang tinggi serta secara kemahiran dengan latihan berterusan di samping bakat sedia ada. Bahkan kepada yang menguasainya juga perlu senantiasa berhati-hati dan berwaspada. Apatah lagi jika ia disalah guna untuk tujuan buruk dan jahat.

Walaupun ilmu aura ada kebaikan secara aplikasi dalam menguatkan jasmani khususnya sukma termasuk indera batin, tetapi ia hanya ilmu yang bersifat alat. Jika hal ini tidak diambil perhatian, ilmu aura akan menjadi sekadar cara untuk menarik perhatian dan kekaguman manusia yang akan menjadi hijab bagi manusia untuk menuju kepada Tuhan yang adalah tujuan sebenar yang utama. Ini kerana manusia cenderung untuk takjub kepada perkara yang ganjil, aneh dan misteri. Sedangkan, hakikatnya tiada apa yang perlu ditakjubkan. Aura hanya lah sekadar suatu fenomena alam yang wujud pada suatu dimensi tertentu.

PENGHARGAAN

Tulisan ini ialah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibiayai melalui Geran Galakan Penyelidik Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia (Kod: GGPM-2022-022).

RUJUKAN

- Aristotle. 2016. *De Anima*. Terj. Christopher Shields. Clarendon Aristotle Series. Oxford: Oxford University Press.
- Blavatsky, H.P. 1892. *The Theosophical Glossary*. London: The Theosophical Publishing Society.
- Blavatsky, H.P. 1895. *A Modern Panarion*. London: The Theosophical Publishing Society.
- Blavatsky, H.P. 1897. *Studies in Occultism*. Jil. 1-6. Ed. ke-2. Boston: Theosophical Book Company.
- Grumbine, J.C.F. 1900. *Auras and Colors*. Syracuse, New York: the Order of the White Rose.
- Hamzah Fansuri. mss. 83, Perpustakaan Universiti Leiden.
- Hamzah Fansuri. mss. 2016, Perpustakaan Universiti Leiden.
- Hamzah Fansuri. mss. 3372, Perpustakaan Universiti Leiden.
- Hamzah Fansuri. mss. 3374, Perpustakaan Universiti Leiden.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad. 2004. *Majmu' Fatawa*. Jil. 1-37. Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'at al-Mushaf al-Sharif.
- Liddell, Henry George & Scott, Robert. 1996. *A Greek-English Lexicon*. Oxford: Clarendon Press.
- Montanari, Franco. 2015. *The Brill Dictionary of Ancient Greek*. Leiden: Brill.
- Nonnos. 1942. *Dionysiaca with An English Translation by W.H.D. Rouse*. Jil. 3. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1988. *Ma'arij al-Quds fi Madarij Ma'rifat al-Nafs*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Razi, Fakhr al-Din. t.th. *Al-Mabathith al-Mashriqiyyah fi al-'Ilm al-Ilahiyyat wa al-Tabi'iyat*. Jil.1-2. Qum: Intisharat-i Bidar.